

Received: 19 May 2026

Accepted: 25 May 2026

Published: 31 May 2026

Kesepadanan *Al-Qasam* dalam Terjemahan Bahasa Melayu Juzuk 30 al-Quran: Analisis Berasaskan Korpus

Equivalence of Al-Qasam in Malay Translation of Juz 30 of the Qur'an: A Corpus-Based Analysis

Nurul Huda Mohamad¹, Siti Zaidah Zainuddin^{2*}

¹ Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, hma.nurulhuda@gmail.com.

² Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, zaidah75@um.edu.my.

* Corresponding Author: Siti Zaidah Zainuddin. Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, zaidah75@um.edu.my, [0000-0002-3501-9903](tel:0000-0002-3501-9903).

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis kesepadanan *al-qasam* dalam terjemahan bahasa Melayu bagi Juzuk 30 al-Quran dengan menggunakan *Corpus-Based Translation Studies* (CBTS) sebagai metodologi utama bagi pengumpulan, penjajaran dan analisis korpus selari Arab-Melayu. Analisis kajian ini dipandu oleh kerangka *Ilmu Ma'ānī*, *Systemic Functional Linguistics* (SFL) dan Tipologi Kesepadanan Baker yang digunakan sebagai alat interpretatif bagi menilai hubungan antara bentuk, fungsi metafungsi dan daya retorik dalam proses penterjemahan. Fokus analisis adalah terhadap bagaimana struktur *al-qasam* direalisasikan dan dipadankan dalam teks sasaran dari perspektif kesepadanan linguistik dan fungsional. Dapatan korpus menunjukkan sebanyak 18 token *al-qasam* dalam teks sumber, dengan dominasi *wāw al-qasam* sebanyak 15 token (83.3%), diikuti *bā' al-qasam* sebanyak 3 token (16.7%), manakala *tā' al-qasam* tidak direkodkan. Dalam teks sasaran, padanan utama ialah “*demi*” (61.1%), diikuti “*dan*” (16.7%), “*dengan*” (16.7%) dan “*serta*” (5.6%). Analisis penjajaran korpus menunjukkan bahawa padanan “*demi*” mengekalkan fungsi interpersonal dan intensifikasi epistemik, sekali gus merealisasikan kesepadanan fungsional yang lebih tinggi. Sebaliknya, padanan lain memperlihatkan peralihan kesepadanan (*equivalence shift*) daripada fungsi retorik kepada fungsi kohesi tekstual (“*dan*”, “*serta*”) dan hubungan ideasional-instrumental (“*dengan*”). Dapatan ini menunjukkan bahawa kesepadanan *al-qasam* tidak bersifat linear, sebaliknya membentuk spektrum kesepadanan yang merangkumi kesepadanan penuh (*full equivalence*), kesepadanan separa (*partial equivalence*) dan peralihan pragmatik (*pragmatic shift*). Kajian ini merumuskan bahawa *al-qasam* berfungsi sebagai unit retorik-epistemik yang mengalami redistribusi metafungsi dalam proses penterjemahan. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan konsep *rhetorical-functional equivalence* sebagai peluasan kepada Tipologi Kesepadanan Baker (2018) bagi menjelaskan interaksi antara fungsi linguistik dan daya retorik dalam terjemahan teks agama berautoriti tinggi.

Kata Kunci: *al-qasam*; terjemahan al-Quran; CBTS; SFL; Ilmu Ma'ānī; tipologi kesepadanan Baker

ABSTRACT

This study analyses the equivalence of al-qasam in the Malay translation of Juz 30 of the Qur'an using Corpus-Based Translation Studies (CBTS) as the primary methodology for data collection, alignment, and the analysis of a parallel Arabic-Malay corpus. This approach enables an empirical and systematic examination of translation patterns based on authentic data, focusing on the relationship between linguistic form and functional meaning. The analysis is guided by the theoretical frameworks of Ilmu Ma'ānī, Systemic Functional Linguistics (SFL), and Baker's Typology of Equivalence, which are employed as interpretative tools for examining the interaction between linguistic form, metafunctional roles, and rhetorical force in the translation process. The analytical focus is on how al-qasam structures are realised and rendered in the target text from the perspective of linguistic and functional equivalence. The corpus findings reveal 18 tokens of al-qasam in the source text, with a dominance of wāw al-qasam (15 tokens; 83.3%), followed by bā' al-qasam (3 tokens; 16.7%), while tā' al-qasam does not occur. In the target text, the primary equivalent is "demi" (61.1%), followed by "dan" (16.7%), "dengan" (16.7%), and "serta" (5.6%). Parallel corpus analysis shows that the equivalent "demi" maintains interpersonal function and epistemic intensification, thereby achieving a higher degree of functional equivalence. In contrast, other renderings demonstrate equivalence shifts, moving from rhetorical emphasis to textual cohesion ("dan", "serta") and ideational-instrumental relations ("dengan"). These findings indicate that the equivalence of al-qasam is not linear but instead forms a continuum of equivalence, encompassing full equivalence, partial equivalence, and pragmatic shifts. The study concludes that al-qasam functions as a rhetorical-epistemic unit that undergoes metafunctional redistribution in translation. Accordingly, the study proposes the concept of rhetorical-functional equivalence as an extension of Baker's Typology of Equivalence (2018) to explain the interaction between linguistic function and rhetorical force in the translation of authoritative religious texts.

Keywords: al-qasam; Qur'anic translation; CBTS; SFL; Ilmu Ma'ānī; Baker's typology of equivalence

1. PENDAHULUAN

Kajian penterjemahan al-Quran semakin berkembang daripada pendekatan normatif dan deskriptif kepada analisis linguistik berasaskan data yang mengintegrasikan dimensi semantik, pragmatik dan wacana dalam kerangka interdisiplin (Abdul-Raof, 2001, 2006, 2018; Baker, 2018; Halliday & Matthiessen, 2014). Dalam perkembangan ini, al-Quran tidak lagi dianalisis semata-mata sebagai teks keagamaan, sebaliknya sebagai sistem wacana linguistik yang kompleks yang memperlihatkan interaksi dinamik antara struktur sintaksis, fungsi retorik dan pembinaan makna. Perubahan paradigma ini selari dengan perkembangan *Systemic Functional Linguistics* (SFL) dan metodologi *Corpus-Based Translation Studies* (CBTS) yang menekankan analisis empirikal berasaskan data autentik bagi memahami realisasi makna melalui pilihan linguistik dalam konteks komunikasi (Baker, 1993; Halliday & Matthiessen, 2014; McEnery & Hardie, 2012).

Dalam konteks kajian al-Quran, CBTS membolehkan pola translasi dan distribusi linguistik dikenal pasti secara sistematik melalui korpus selari, manakala SFL menyediakan kerangka untuk menghuraikan realisasi makna melalui metafungsi ideasional, interpersonal dan tekstual. Gabungan kedua-dua pendekatan ini semakin penting dalam analisis teks agama kerana keupayaannya menghubungkan bentuk linguistik, fungsi wacana dan konteks penggunaan secara empirikal (Laviosa, 2002; Zanettin, 2012). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian sedia ada masih menumpukan aspek makro seperti struktur ayat dan organisasi wacana, sedangkan unsur mikro retorik seperti partikel penegasan dan struktur sumpah masih kurang dianalisis secara korpus.

Salah satu unsur retorik utama dalam wacana al-Quran ialah *al-qasam*, iaitu struktur sumpah yang berfungsi sebagai *al-ta'kīd* (penegasan) dan pengukuhan autoriti epistemik. Dalam kerangka *Ilmu Ma'ānī*, *al-qasam* dikategorikan sebagai *uslūb al-ta'kīd* yang menghubungkan *muqṣam bih* dan *jawāb al-qasam* bagi menguatkan penerimaan mesej ('Abbās, 2008). Struktur ini bukan sahaja bersifat retorik, tetapi turut merealisasikan fungsi interpersonal dan pragmatik dalam wacana al-Quran, sejajar dengan teori *naẓm* oleh Al-Jurjānī (1992) yang menekankan bahawa makna terhasil melalui hubungan sistemik antara unsur linguistik dalam konteks.

Walaupun bagaimanapun, struktur *al-qasam* menimbulkan cabaran dalam penterjemahan kerana fungsi retoriknya tidak sentiasa mempunyai padanan langsung dalam bahasa sasaran. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa unsur retorik al-Quran sering mengalami pengurangan intensiti, neutralisasi fungsi atau peralihan pragmatik dalam terjemahan (Allaithy, 2019; Hummadi et al., 2020; Abdel Haleem, 2023). Dalam konteks bahasa Melayu, strategi seperti eksplisitasi, normalisasi dan parafrasa digunakan bagi menyesuaikan struktur bahasa Arab dengan sistem sasaran, namun hal ini berpotensi mengubah orientasi interpersonal dan kekuatan retorik teks sumber. Oleh itu, kesepadanan perlu difahami sebagai rundingan fungsi makna, bukan sekadar pemindahan leksikal.

Walaupun kajian terdahulu telah membincangkan aspek retorik, stilistik, CBTS dan kesepadanan terjemahan, perbincangan tersebut lazimnya bergerak secara terpisah tanpa usaha menghubungkan dimensi retorik, fungsi bahasa dan bukti korpus dalam satu kerangka analisis yang bersepadu (Gumar & Sahan, 2022; House, 2023; Fauzy, 2025). Kajian kesepadanan khususnya lebih banyak menumpukan pemindahan makna semantik dan struktur tekstual, sedangkan perubahan fungsi interpersonal dan pragmatik masih kurang dihuraikan secara operasional. Kekurangan ini menjadi lebih ketara pada tahap mikro, terutama yang melibatkan partikel sumpah, unsur penegasan dan variasi *al-ta'kīd* dalam teks terjemahan.

Kajian ini berhujah bahawa kesepadanan *al-qasam* tidak dapat dijelaskan secara memadai melalui pendekatan kesepadanan semantik semata-mata. Sebaliknya, analisis perlu mengambil kira hubungan antara pilihan linguistik, fungsi retorik dan realisasi metafungsional yang berlaku dalam proses penterjemahan. Atas dasar itu, kajian ini mengintegrasikan *Ilmu Ma'ānī*, khususnya konsep *al-ta'kīd* dengan kerangka SFL, Tipologi Kesepadanan Baker dan CBTS bagi meneliti terjemahan bahasa Melayu Juzuk 30 al-Quran secara berasaskan korpus. Pendekatan ini membolehkan pola distribusi linguistik, fungsi retorik dan perubahan metafungsional dianalisis secara saling berkaitan, sekali gus memberikan gambaran yang lebih empirikal tentang bagaimana unsur *al-qasam* dinegosiasikan dalam teks sasaran.

Pemilihan Juzuk 30 adalah berdasarkan kepadatan struktur *al-qasam*, khususnya dalam surah-surah Makkiyyah yang sarat dengan gaya retorik intensif dan penegasan epistemik. Kepadatan ini membolehkan analisis pola distribusi, strategi terjemahan dan perubahan fungsi dilakukan secara lebih signifikan. Secara teoritikal, kajian ini menyumbang kepada pengembangan kerangka analisis terjemahan al-Quran melalui integrasi retorik Arab, linguistik fungsional dan CBTS pada tahap mikro linguistik. Dari sudut metodologi, kajian ini memperluaskan aplikasi CBTS dengan memberi fokus kepada unit retorik kecil yang masih kurang diterokai.

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui pasti pola distribusi *al-qasam* dalam Juzuk 30 berdasarkan analisis korpus selari.
2. Mengetahui pasti strategi kesepadanan terjemahan *al-qasam* dalam bahasa Melayu.
3. Menilai perubahan fungsi retorik dan metafungsional *al-qasam* daripada perspektif *Ilmu Ma'ānī*, SFL dan Tipologi Kesepadanan Baker.

Sehubungan itu, kajian ini dipandu oleh persoalan berikut:

1. Adakah pola penggunaan struktur *al-qasam* dalam teks sumber berdasarkan analisis korpus?
2. Bagaimanakah struktur tersebut diterjemahkan dari segi bentuk dan fungsi makna?
3. Sejauh manakah kesepadanan dapat dikekalkan dari perspektif *Ilmu Ma'ānī* dan SFL?

2. TINJAUAN LITERATUR

2.1 *Al-Qasam dalam Ilmu Balaghah dan Wacana al-Quran*

Dalam tradisi Ilmu Balaghah, *al-qasam* dibincangkan dalam kerangka *Ilmu Ma'ānī* sebagai salah satu bentuk *uslūb al-ta'kīd* yang berfungsi memperteguh kebenaran sesuatu khabar dan meningkatkan kesan makna terhadap penerima ('Abbās, 2008). Perbincangan ini selari dengan pandangan sarjana balaghah seperti al-Sakkākī (1987), yang menempatkan *al-qasam* sebagai mekanisme retorik bagi menguatkan ujaran berdasarkan keadaan *mukhāṭab* (lawan tutur). Dalam kerangka teori *naẓm*, al-Jurjānī (2001) pula menegaskan bahawa kekuatan makna terhasil melalui hubungan antara unsur-unsur linguistik dalam struktur ayat. Berdasarkan perspektif ini, *al-qasam* dapat difahami bukan sekadar unsur stilistik, tetapi sebagai struktur retorik yang menyumbang kepada pembinaan penegasan dan autoriti makna dalam wacana al-Quran.

Dalam al-Quran, penggunaan *al-qasam* lebih dominan dalam surah-surah Makkiyyah dan lazimnya dikaitkan dengan penegasan isu akidah, kebenaran wahyu dan kepastian hari pembalasan (al-Suyūṭī, 1974; Robinson, 1996; Neuwirth, 2019). Hubungan antara unsur sumpah dengan proposisi utama ayat menghasilkan kesan retorik yang memperkukuh penegasan makna dan daya persuasif ujaran ilahi. Dalam konteks ini, huruf *al-qasam* seperti *wāw* (و), *bā'* (ب) dan *tā'* (ت) salah satu unsur tatabahasa yang turut berfungsi sebagai penanda linguistik yang merealisasikan penegasan dan hubungan interpersonal dalam wacana al-Quran.

Pandangan tersebut selari dengan teori *nazm* yang dikemukakan oleh al-Jurjānī (1992), yang menegaskan bahawa makna dan nilai retorik al-Quran terhasil melalui susunan dan hubungan antara unsur linguistik dalam sesuatu wacana. Berdasarkan kerangka ini, kekuatan *al-qasam* tidak hanya bergantung pada huruf sumpah secara isolatif, tetapi pada jaringan hubungan semantik dan pragmatik antara unsur sumpah, konteks ayat serta tujuan komunikatif teks. Hal ini menunjukkan bahawa unsur mikro linguistik dalam al-Quran berfungsi secara sistematis dan saling berkait dalam pembentukan makna keseluruhan wacana.

Kajian kontemporari turut melihat *al-qasam* sebagai struktur yang membawa dimensi pragmatik dan argumentatif dalam pembinaan autoriti dalam wacana al-Quran (Gumar & Sahan, 2022; Al-Khazaali, 2024). Abdel Haleem (2010) menegaskan bahawa struktur sumpah dalam al-Quran berfungsi memperkukuh kesan persuasif serta penegasan makna dalam penyampaian mesej wahyu. Dalam linguistik Arab moden, partikel sumpah pula dianggap sebagai penanda komitmen ujaran yang memperkukuh hubungan interpersonal antara penyampai mesej dan penerima, sekali gus menunjukkan fungsi komunikatif yang bersifat interaktif dalam wacana (Qwider & Bashir Bay, 2022).

Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu masih tertumpu pada analisis deskriptif balaghah dan interpretasi stilistik tanpa menghubungkan fungsi retorik tersebut dengan kerangka metafungsional dan analisis korpus secara empirikal. Akibatnya, dimensi interpersonal dan pragmatik *al-qasam* masih belum dioperasionalisasikan secara jelas dalam konteks penterjemahan serta pemindahan makna merentas bahasa. Di samping itu, walaupun kajian stilometrik oleh Alqurneh et al. (2016) menunjukkan bahawa struktur sumpah dalam al-Quran boleh dianalisis secara kuantitatif melalui pola distribusi linguistik, kebanyakan kajian kuantitatif masih terhad kepada frekuensi dan taburan bentuk, tanpa meneliti perubahan fungsi retorik dalam teks sasaran.

Dalam konteks ini, kajian semasa memposisikan *al-qasam* sebagai unsur balaghah Arab yang berfungsi sebagai struktur retorik yang merealisasikan fungsi interpersonal dan epistemik dalam wacana al-Quran. Pendekatan ini membolehkan hubungan antara struktur sumpah, metafungsi bahasa dan strategi kesepadanan diteroka secara lebih sistematis melalui penggunaan data korpus selari.

2.2 Corpus-Based Translation Studies dalam Kajian Terjemahan al-Quran

Perkembangan metodologi *Corpus-Based Translation Studies* (CBTS) telah membawa perubahan signifikan dalam kajian terjemahan moden melalui penggunaan data empirikal bagi mengenal pasti pola translasi secara sistematik (Baker, 1993, 1995). Pendekatan ini menandakan peralihan daripada analisis introspektif kepada analisis berasaskan data autentik yang boleh diverifikasi secara empirikal. Dalam linguistik korpus, korpus ditakrifkan sebagai himpunan teks elektronik yang dibina secara sistematik dan dianalisis menggunakan perisian komputer bagi mengenal pasti pola penggunaan bahasa (McEnery & Hardie, 2012).

Melalui metodologi CBTS, fenomena translasi dapat diuraikan melalui analisis frekuensi, kolokasi, distribusi leksikal serta hubungan kesejajaran antara teks sumber dan teks sasaran (Zanettin, 2014). Hal ini membolehkan terjemahan dilihat sebagai fenomena linguistik yang mempunyai pola sistematik, bukan sekadar hasil keputusan intuitif penterjemah. Dalam kajian terjemahan al-Quran, korpus selari semakin penting kerana menyediakan asas analisis

yang lebih objektif, boleh direplikasi dan berasaskan data empirikal (Abdul-Raof, 2018; Zanettin, 2012).

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa korpus selari membolehkan pemetaan langsung antara teks sumber dan teks sasaran pada tahap mikro linguistik, sekali gus membantu mengenal pasti kecenderungan translasi dan strategi pemindahan makna secara lebih konsisten (Laviosa, 2002; Olohan, 2004). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian korpus berkaitan al-Quran masih tertumpu pada aspek tokenisasi, kolokasi dan distribusi leksikal tanpa menghubungkannya dengan fungsi retorik serta metafungsi bahasa secara menyeluruh (Alhusaiyan, 2023; Bengueddach, 2025).

Keadaan ini menunjukkan bahawa analisis korpus dalam kajian al-Quran masih beroperasi pada tahap statistik dan leksikal, sedangkan perubahan fungsi interpersonal dan pragmatik dalam proses penterjemahan kurang diberikan perhatian. Walaupun CBTS berjaya mengenal pasti fenomena translasi seperti *explicitation*, *simplification* dan *normalisation* (Baker, 1993; Laviosa, 2002), kajian sedia ada masih belum menghuraikan secara sistematik bagaimana fenomena tersebut mempengaruhi realisasi fungsi retorik dalam teks sasaran.

Sehubungan itu, kajian ini menggunakan pendekatan CBTS sebagai metodologi pengumpulan dan analisis data korpus selari Arab-Melayu, khususnya bagi mengenal pasti distribusi *al-qasam* dalam teks sumber serta variasi padanan dalam teks sasaran. Data korpus yang terhasil seterusnya dianalisis menggunakan *Ilmu Ma'ānī*, kerangka SFL, dan Tipologi Kesepadanan Baker bagi menilai perubahan fungsi retorik dan metafungsional secara empirikal.

2.3 Systemic Functional Linguistics dalam Analisis Teks Agama

Systemic Functional Linguistics (SFL) yang diasaskan oleh Halliday, melihat bahasa sebagai sistem semiotik sosial yang merealisasikan makna melalui hubungan antara bentuk linguistik dan konteks penggunaan (Halliday & Matthiessen, 2014). Bahasa tidak dianggap sebagai sistem tatabahasa yang autonomi, sebaliknya sebagai sumber makna yang berfungsi dalam situasi komunikasi tertentu. Pendekatan ini menjadikan SFL sesuai digunakan dalam analisis teks agama kerana ia menekankan hubungan antara struktur linguistik, fungsi wacana dan konteks sosial.

SFL menghuraikan makna melalui tiga metafungsi utama, iaitu ideasional, interpersonal dan tekstual (Eggins, 2004; Halliday & Matthiessen, 2014). Metafungsi ideasional merujuk kepada representasi pengalaman, metafungsi interpersonal berkaitan dengan hubungan sosial serta tahap sikap dan komitmen ujaran, manakala metafungsi tekstual mengatur aliran maklumat dalam teks. Dalam konteks al-Quran, Abdul-Raof (2001, 2019) menegaskan bahawa struktur wacana dan strategi linguistik memainkan peranan penting dalam pembinaan makna, penegasan, dan kesan retorik dalam teks terjemahan dan tafsiran. Analisis beliau menunjukkan bahawa elemen linguistik al-Quran berfungsi secara sistematik dalam membentuk kekuatan hujah dan kesan komunikatif dalam wacana.

Walaupun SFL telah digunakan secara meluas dalam kajian wacana dan teks agama, kebanyakan analisis terhadap al-Quran masih tertumpu pada aspek makro seperti tema, struktur klausa dan organisasi maklumat (Ostaie, 2024). Analisis mikro terhadap unsur retorik seperti *al-qasam* masih terhad, khususnya dari segi pengoperasian metafungsi interpersonal dalam

data korpus empirikal. Di samping itu, walaupun SFL dan *Ilmu Ma'ānī* berkongsi fokus terhadap hubungan antara bahasa, konteks dan makna, kedua-dua pendekatan ini lazimnya masih diaplikasikan secara berasingan tanpa integrasi operasional yang sistematik.

Keadaan ini menyebabkan konsep retorik seperti *al-ta'kīd* masih banyak dihuraikan dalam kerangka balaghah tradisional secara deskriptif, tanpa pemetaan yang jelas kepada kategori metafungsi dalam SFL. Sehubungan itu, kajian ini mengintegrasikan *Ilmu Ma'ānī* dan SFL bagi menjelaskan bagaimana struktur *al-qasam* merealisasikan fungsi interpersonal dalam teks sumber, serta bagaimana fungsi tersebut mengalami perubahan dalam proses penterjemahan ke bahasa Melayu melalui analisis berasaskan korpus.

2.4 Baker's typology of equivalence dalam Analisis Terjemahan al-Quran

Konsep kesepadanan merupakan antara kerangka asas dalam teori terjemahan moden yang digunakan untuk menghuraikan hubungan antara teks sumber dan teks sasaran. Nida dan Taber (1969) memperkenalkan konsep *dynamic equivalence* yang menekankan kesan komunikatif terhadap penerima dalam bahasa sasaran, manakala Hatim dan Mason (1997) melihat terjemahan sebagai proses komunikasi silang budaya yang melibatkan dimensi fungsi sosial dan pragmatik.

Dalam konteks terjemahan al-Quran, pendekatan berasaskan kesepadanan semantik semata-mata didapati tidak mencukupi memandangkan teks al-Quran memiliki struktur retorik yang kompleks, berlapis dan bergaya tinggi (*highly stylised*) yang menuntut perhatian terhadap konteks wacana serta kesan komunikatif (Abdul-Raof, 2001; Abdel Haleem, 2023). Oleh itu, penterjemahan al-Quran perlu dilihat sebagai proses interpretatif yang melibatkan pertimbangan fungsi antara teks sumber dan teks sasaran, bukan sekadar pemindahan makna literal.

Baker (2018) mengemukakan *typology of equivalence* yang bersifat berlapis, merangkumi kesepadanan pada tahap kata, di atas peringkat kata (termasuk kolokasi dan ungkapan idiomatik), serta kesepadanan gramatikal, tekstual dan pragmatik. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, tipologi tersebut dioperasionalisasikan semula melalui proses reduksi analitikal bagi membentuk empat dimensi utama, iaitu kesepadanan leksikal, gramatikal, tekstual dan pragmatik, dengan tujuan memudahkan pemetaan empirikal dalam analisis korpus *al-qasam*. Pengadaptasian ini tidak menafikan kompleksiti asal model Baker, sebaliknya menstrukturkan semula kerangka tersebut agar lebih sesuai dengan data linguistik berasaskan wacana retorik al-Quran yang bersifat padat dan tidak linear.

Dalam konteks ini, kesepadanan tidak difahami sebagai hubungan statik antara unit linguistik, tetapi sebagai spektrum hubungan makna yang bersifat relatif dan bergantung pada tahap realisasi dalam sistem bahasa sumber dan bahasa sasaran. Oleh itu, analisis terjemahan *al-qasam* perlu mengambil kira interaksi dinamik antara bentuk leksikogramatikal dan fungsi wacana, khususnya bagaimana unsur penegasan retorik direalisasikan semula sama ada sebagai kekuatan interpersonal, kohesi tekstual atau hubungan ideasional dalam teks sasaran. Pendekatan ini menegaskan bahawa kesepadanan dalam terjemahan bukan sekadar padanan bentuk, tetapi proses pemetaan semula fungsi makna dalam sistem semiotik yang berbeza.

Walaupun pendekatan kesepadanan telah lama mendominasi kajian terjemahan moden, sebahagian besar kajian terdahulu masih beroperasi dalam kerangka yang cenderung

mengutamakan padanan leksikal dan kesepadanan struktur permukaan, sekali gus menghadkan analisis kepada pemindahan makna proposisional tanpa meneliti bagaimana fungsi wacana dan daya retorik direalisasikan semula dalam teks sasaran (Hatim & Mason, 1997; House, 2015; Munday, 2016). Dalam konteks terjemahan teks al-Quran, kecenderungan ini lebih ketara apabila unsur mikro retorik seperti *al-qasam* dianalisis sebagai entiti tatabahasa yang terasing, bukan sebagai strategi argumentatif yang mengaktifkan komitmen epistemik dan hubungan interpersonal dalam wacana.

Akibatnya, aspek perubahan fungsi khususnya peralihan daripada penegasan retorik kepada kohesi tekstual atau hubungan ideasional sering tidak dihuraikan secara sistematik, menyebabkan reduksi terhadap kompleksiti makna wacana suci kepada padanan leksikal yang statik. Kajian berasaskan korpus dalam tradisi ini juga menunjukkan kecenderungan untuk mengekalkan paradigma equivalence berasaskan bentuk, sedangkan bukti empirikal menunjukkan bahawa pemindahan makna dalam teks berautoriti tinggi seperti al-Quran lebih tepat difahami sebagai proses negotiated re-instantiation yang melibatkan pelarasan semula fungsi pragmatik dan retorik dalam sistem bahasa sasaran (Neuwirth, 2010; Williams & Chesterman, 2014; Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2012).

Sehubungan itu, kajian ini mengintegrasikan kerangka kesepadanan Baker (2018) dengan SFL serta analisis berasaskan korpus bagi menilai perubahan fungsi retorik *al-qasam* dalam terjemahan bahasa Melayu. Pendekatan ini membolehkan analisis dilakukan bukan sahaja pada tahap leksikal, gramatikal dan tekstual, tetapi juga pada tahap interpersonal dan pragmatik secara lebih menyeluruh.

2.5 Integrasi Teori: SFL, Ilmu Ma'ānī dan Tipologi Kesepadanan

Kajian ini membangunkan kerangka analisis integratif yang menggabungkan kerangka *Ilmu Ma'ānī*, SFL dan Tipologi Kesepadanan Baker bagi menganalisis kesepadanan *al-qasam* dalam terjemahan al-Quran secara empirikal dan multidimensi. Integrasi ini berasaskan premis bahawa struktur *al-qasam* bukan sekadar unit linguistik, tetapi konstruksi retorik yang berpotensi dianalisis dari perspektif fungsi interpersonal, tekstual dan ideasional dalam wacana berdasarkan kerangka SFL oleh Halliday dan Matthiessen (2014), selain menekankan aspek retorik dan kesan makna dalam tradisi tafsiran serta kajian terjemahan al-Quran (Abdel Haleem, 2019, 2023; Badr, 2020). Pendekatan ini membolehkan analisis kesepadanan retorik dilakukan secara berlapis antara struktur linguistik, fungsi wacana dan strategi penterjemahan.

Pada tahap interpretasi retorik, *Ilmu Ma'ānī* digunakan untuk menghuraikan fungsi *al-qasam* sebagai *uslub al-ta'kid* dan pengukuhan makna berita (*tawkid al-khabar*), iaitu gaya bahasa penegasan yang berperanan dalam memperkukuh kehendak makna berita (*muqtadā al-khabar*), meneguhkan penetapan makna dalam minda penerima (*mukhāṭab*), serta meningkatkan kesan hujahan dan pemujukan (*al-ta'thīr al-hujājī wa al-ignā'ī*) dalam wacana khabariyyah al-Quran (Al-Sakkāki, 1987; 'Abbās, 2008; Abdul-Raof, 2001). Dalam kerangka *Ilmu Ma'ānī*, struktur *al-qasam* dilihat sebagai elemen retorik yang berfungsi untuk menaikkan tahap penegasan (*raf' darajat al-ta'kid*) serta memperkukuh kesahihan makna melalui penguatan hubungan antara lafaz dan maksud dalam konteks situasi wacana (Al-Jurjānī, 1992; Abdul-Raof, 2001). Oleh itu, *al-qasam* merupakan unsur gaya bahasa yang berfungsi sebagai strategi balaghah dalam membina kekuatan hujah dan mengukuhkan penerimaan makna dalam struktur komunikasi al-Quran.

Seterusnya, pada tahap analisis linguistik moden, SFL yang diasaskan oleh Halliday digunakan untuk menghuraikan bagaimana *al-qasam* merealisasikan komitmen dan penegasan makna dalam teks sumber melalui metafungsi interpersonal, tekstual dan ideasional (Halliday & Matthiessen, 2014; Eggins, 2004). Pendekatan ini juga membolehkan pemerhatian terhadap *metafunctional shift* dalam penterjemahan apabila fungsi wacana tersebut direalisasikan semula dalam teks sasaran.

Pada tahap seterusnya, Tipologi Kesepadanan Baker (2018) digunakan bagi menilai bagaimana unsur makna *al-qasam* dipindahkan dalam teks terjemahan merangkumi kesepadanan leksikal, gramatikal, tekstual dan pragmatik. Analisis ini dilaksanakan berasaskan pendekatan CBTS melalui pembinaan korpus selari Arab-Melayu yang membolehkan pola padanan dan variasi translasi dikenal pasti secara empirikal dan sistematik (Baker, 1993; Laviosa, 2002; McEnery & Hardie, 2012).

Melalui integrasi ketiga-tiga kerangka ini, kajian ini mencadangkan suatu pendekatan *analytical triangulation* yang menghubungkan data korpus, analisis metafungsional, struktur balaghah dan tipologi kesepadanan secara serentak dalam satu kerangka analisis bersepadu. Pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh ketepatan interpretasi data, tetapi turut memperluaskan aplikasi CBTS dalam kajian terjemahan al-Quran pada tahap mikro retorik yang masih kurang diterokai secara integratif dalam penyelidikan terdahulu (Chesterman, 2000; Kenny, 2001; Mahlberg, 2007; Toury, 2012).

Secara keseluruhannya, literatur berkaitan *al-qasam*, terjemahan al-Quran, SFL dan CBTS berkembang dalam tiga orientasi utama, iaitu retorik dan balaghah, kesepadanan terjemahan serta analisis korpus. Namun, ketiga-tiga pendekatan ini masih banyak beroperasi secara terpisah tanpa kerangka yang menghubungkan struktur retorik, metafungsi bahasa dan kesepadanan makna secara serentak. Kajian terdahulu juga cenderung memisahkan analisis stilistik dan semantik daripada dimensi metafungsional serta bukti korpus empirikal. Dalam konteks bahasa Melayu, kajian yang mengintegrasikan *Ilmu Ma'ānī*, SFL dan Tipologi Kesepadanan Baker dengan mengaplikasikannya bersama-sama dengan CBTS masih terhad, khususnya pada tahap mikro seperti partikel sumpah dan unsur *al-ta'kīd*.

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis korpus berasaskan CBTS yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Reka bentuk ini membolehkan data linguistik dianalisis secara empirikal melalui korpus selari, di samping membolehkan interpretasi fungsional dilakukan terhadap fenomena terjemahan.

Analisis difokuskan pada kesepadanan struktur *al-qasam* dalam terjemahan bahasa Melayu Juzuk 30 al-Quran melalui korpus selari berpenjajaran. Pendekatan ini membolehkan hubungan sistematik antara teks sumber (bahasa Arab) dan teks sasaran (bahasa Melayu) diperiksa pada tahap mikro linguistik dan makro fungsi.

Reka bentuk ini mengintegrasikan tiga kerangka analisis utama, iaitu *Ilmu Ma'ānī*, SFL, dan Tipologi Kesepadanan Baker. Integrasi ini membolehkan analisis dijalankan secara triangulatif dengan menghubungkan struktur retorik, metafungsi bahasa dan dimensi kesepadanan dalam satu kerangka analitik yang koheren.

3.2 Korpus dan Data Kajian

3.2.1 Teks Sumber dan Teks Sasaran

Kajian ini menggunakan korpus selari yang terdiri daripada:

- i. Teks Sumber (TSu): al-Quran Juzuk 30 (bahasa Arab)
- ii. Teks Sasaran (TSa): *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an* (bahasa Melayu)

3.2.2 Pemilihan Korpus

Korpus Juzuk 30 dipilih kerana mengandungi frekuensi tinggi struktur *al-qasam* yang berfungsi sebagai strategi penegasan retorik, khususnya dalam surah-surah Makkiyyah yang kaya dengan gaya bahasa dan hujah keimanan. Ciri ini menjadikannya sesuai untuk analisis mikro linguistik terhadap perubahan fungsi retorik dalam proses penterjemahan.

Selain itu, skop korpus yang terhad tetapi padat membolehkan analisis dijalankan secara mendalam, sistematik dan berfokus, selaras dengan pendekatan CBTS yang menekankan analisis berasaskan data autentik serta pemerhatian terhadap pola penggunaan bahasa dalam konteks sebenar (Baker, 1993; McEnery & Hardie, 2012). Dalam perspektif CBTS, generalisasi kajian adalah bersifat analitik dan berasaskan corak (*pattern-based generalisation*), bukan generalisasi statistik berskala besar, kerana fokus utama ialah pengenalpastian regulariti penggunaan bahasa dalam data korpus yang terhad tetapi koheren (Sinclair, 1991; Laviosa, 2002; Stubbs, 2001).

3.2.3 Sumber Data

Teks al-Quran dan teks terjemahan al-Quran *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an* oleh Abdullah Basmeih diperoleh daripada pangkalan data Tanzil.net yang menggunakan *Rasm 'Uthmānī* standard. Sumber ini dipilih kerana ketepatan teks, kebolehpercayaan akademik dan penggunaannya yang meluas dalam penyelidikan linguistik al-Quran berasaskan korpus.

3.3 Pembinaan dan Pemprosesan Korpus

Korpus selari dibina dan dianalisis menggunakan *Sketch Engine*, sebuah platform analisis korpus berasaskan web yang menyokong pemprosesan linguistik berskala besar termasuk tokenisasi, penjajaran teks, analisis frekuensi dan konkordans KWIC (Kilgariff et al., 2014).

Jadual 3.1: Saiz Korpus Al-Qasam Juzuk 30 al-Quran

Komponen Korpus	Token TSu	Token TSa	Jumlah Token	TTR
<i>Al-Qasam Parallel Corpus</i>	2,503	7,502	10,005	TSu: 0.48 / TSa: 0.61

Perbezaan saiz token antara teks TSu dan TSa menunjukkan fenomena *translation expansion*, iaitu kecenderungan teks terjemahan menjadi lebih panjang berbanding teks asal. Fenomena ini lazimnya dikaitkan dengan strategi penterjemahan seperti eksplisitasi dan

amplifikasi (Laviosa, 2002; Baker, 2018). Dalam konteks kajian ini, penambahan bentuk linguistik dalam TSa menunjukkan proses penjelasan makna implisit dalam TSu, yang seterusnya mempengaruhi struktur leksikal dan organisasi retorik teks terjemahan.

3.3.1 Prosedur Pemprosesan Data

(i) Tokenisasi dan Analisis Frekuensi

Tokenisasi dilakukan secara automatik dengan mengambil kira perbezaan struktur morfologi bahasa Arab dan bahasa Melayu. Analisis frekuensi digunakan bagi mengenal pasti taburan *al-qasam* serta variasi padanannya dalam bahasa sasaran seperti “*demi*,” “*dan*,” “*serta*” dan “*dengan*.” Analisis ini juga membolehkan pola dominan dan variasi terjemahan dikenal pasti secara statistik deskriptif.

(ii) Analisis Konkordans (KWIC)

Analisis *Key Word in Context* (KWIC) digunakan untuk mengekstrak semua kemunculan *al-qasam* dalam konteks ayat sebenar. Pendekatan ini memastikan bahawa hanya struktur yang berfungsi sebagai sumpah dianalisis secara fokus, manakala penggunaan bukan retorik dikecualikan melalui penapisan konteks.

(iii) Penjajaran Korpus

Penjajaran TSu-TSa dilakukan secara separa automatik dan disemak secara manual bagi memastikan ketepatan hubungan semantik, sintaksis dan fungsi. Proses ini penting untuk mengenal pasti fenomena seperti one-to-many mapping, variasi struktur dan peralihan fungsi dalam terjemahan.

(iv) Skema Pengkodan Data

Data padanan *al-qasam* dikodkan mengikut fungsi linguistik dalam bahasa Melayu seperti berikut:

Kod	Fungsi Linguistik
DEM_QSM	“ <i>demi</i> ” – partikel penegasan/sumpah
CONJ_ADD	“ <i>dan</i> ” – kata hubung gabungan
CONJ_EXT	“ <i>serta</i> ” – kata hubung tambahan
PREP_INST	“ <i>dengan</i> ” – kata sendi instrumental

Pengkodan ini membolehkan analisis perbandingan fungsi dilakukan secara antara kategori terjemahan.

3.4 Kerangka Analisis

Kajian ini mengintegrasikan tiga kerangka teoritikal secara triangulatif bagi membolehkan analisis multidimensi terhadap fenomena terjemahan *al-qasam*.

(i) *Ilmu Ma'ānī*

Ilmu Ma'ānī digunakan untuk menganalisis struktur retorik *al-qasam*, khususnya hubungan antara *muqṣam bih* dan *jawāb al-qasam*, serta fungsi *al-ta'kīd* dalam pembentukan autoriti ujaran dan intensifikasi makna ('Abbās, 2008). Pendekatan ini membolehkan dimensi retorik Arab diuraikan dalam konteks data korpus.

(ii) *Systemic Functional Linguistics*

Kerangka SFL digunakan untuk menilai perubahan metafungsi bahasa dalam proses penterjemahan, merangkumi metafungsi interpersonal, tekstual dan ideasional (Halliday & Matthiessen, 2014). Pendekatan ini membolehkan analisis dilakukan terhadap bagaimana fungsi makna berubah apabila struktur retorik *al-qasam* dipindahkan ke dalam bahasa Melayu.

(iii) Tipologi Kesepadanan Baker

Tipologi kesepadanan (Baker, 2018) digunakan untuk menilai tahap kesepadanan terjemahan pada peringkat leksikal, gramatikal, tekstual dan pragmatik. Selain itu, tipologi ini turut digunakan untuk mengenal pasti strategi terjemahan yang berlaku dalam data kajian.

3.5 Prosedur Analisis Data

Analisis data dilaksanakan secara berlapis dan bertahap bagi memastikan integrasi antara analisis kuantitatif dan kualitatif dapat dicapai secara sistematik.

(i) Analisis Korpus Kuantitatif

Analisis frekuensi digunakan untuk mengenal pasti distribusi *al-qasam* serta pola padanan dalam teks sasaran. Hasil analisis ini memberikan gambaran awal tentang kecenderungan terjemahan.

(ii) Pemetaan TSu-TSa

Pemetaan antara teks sumber dan teks sasaran dilakukan bagi mengenal pasti variasi struktur seperti *one-to-many mapping*, perubahan eksplisitasi dan peralihan fungsi semantik.

(iii) Analisis Fungsi Linguistik

Gabungan *Ilmu Ma'ānī* dan SFL digunakan untuk menilai perubahan fungsi retorik dan metafungsi bahasa dalam proses terjemahan secara lebih mendalam.

(iv) Analisis Kesepadanan

Menurut tipologi Baker, analisis kesepadanan menilai tahap pemindahan makna, fungsi dan kesan teks sumber ke teks sasaran serta membantu mengenal pasti fenomena terjemahan. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat mengesan pelbagai fenomena terjemahan seperti pengguguran atau penambahan makna, pengubahsuaian budaya, penyesuaian istilah dan strategi yang digunakan oleh penterjemah.

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Kajian ini menggunakan triangulasi data, teori dan interpretasi (Merriam & Tisdell, 2016) bagi meningkatkan kesahan analisis. Kesahan diperkukuh melalui:

- i. *inter-rater validation* oleh pakar balaghah dan linguistik fungsional
- ii. konsistensi pengkodan melalui semakan silang kategori
- iii. penggunaan teks al-Quran dan terjemahan rasmi tanpa manipulasi data

Pendekatan ini memastikan ketepatan interpretasi serta kebolehpercayaan analisis korpus dalam konteks teks suci.

4. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Dapatan Analisis Korpus

Dapatan analisis korpus terhadap kesepadanan *al-qasam* dalam TSu. Dapatan dianalisis secara berlapis, merangkumi taburan token, pola padanan terjemahan, analisis penjajaran teks, serta perubahan fungsi metafungsional berdasarkan kerangka *Ilmu Ma'ānī*, SFL, dan tipologi kesepadanan Baker. Analisis taburan huruf *al-qasam* dalam TSu Juzuk 30 al-Quran serta pola padanan terjemahannya dalam TSa bahasa Melayu sebagaimana Jadual 4.4.

Jadual 4.1: Huruf *al-Qasam* dan Padanan Terjemahannya dalam Bahasa Melayu

Bil.	Huruf <i>al-Qasam</i>	Data TSu (Surah: Ayat)	Padanan TSa (Bahasa Melayu)	Frekuensi
1	Huruf <i>wāw</i> (و)	(79:1)	Demi	1
2		(85:1)	Demi	1
3		(86:1)	Demi	1
4		(89:1)	Demi	1
5		(91:1)	Demi	1
6		(92:1)	Demi	1
7		(92:2)	Dan	1
8		(93:1)	Demi	1
9		(93:2)	Dan	1
10		(95:1)	Demi	1
11		(100:1)	Demi	1
12		(103:1)	Demi	1
13		(90:3)	Demi	1
14		(95:2)	Dan	1
15		(95:3)	Serta	1
16	Huruf <i>bā'</i> (ب)	(84:16)	Dengan	1
17		(81:15)	Dengan	1
18		(90:1)	Dengan	1
19	Huruf <i>tā'</i> (ت)	-	Tiada rekod	0
		Jumlah		18

Jadual 4.1 menunjukkan huruf *al-qasam* yang dianalisis melibatkan huruf *wāw* dan *bā'*, manakala huruf *tā'* tidak direkodkan dalam korpus kajian. Huruf *wāw* paling dominan dengan padanan “*demi*”, “*dan*” dan “*serta*” yang terdapat dalam beberapa surah seperti *al-Nāzi'āt* (79:1), *al-Burūj* (85:1), *al-Fajr* (89:1) dan *al-Ṭīn* (95:1-3), menunjukkan variasi terjemahan mengikut konteks ayat. Sementara itu, huruf *bā'* dalam surah *al-Insyiqāq* (84:16), *al-Takwīr*

(81:15) dan *al-Balad* (90:1) diterjemahkan secara konsisten kepada “*Dengan*”, yang memperlihatkan kesepadanan yang lebih stabil dalam bahasa sasaran.

4.1.1 Distribusi *al-Qasam* dalam Teks Sumber

Analisis korpus mengenal pasti sebanyak 18 token *al-qasam* dalam Juzuk 30. Daripada jumlah tersebut, *wāw al-qasam* merupakan bentuk yang paling dominan dengan 15 token (83.3%), diikuti oleh *bā' al-qasam* sebanyak 3 token (16.7%). Sebaliknya, *tā' al-qasam* tidak direkodkan dalam korpus kajian.

Jadual 4.2: Distribusi Huruf *al-Qasam* dalam Teks Sumber

Huruf <i>al-Qasam</i>	Frekuensi (n)	Peratus (%)
<i>wāw</i> (و)	15	83.3
<i>bā'</i> (ب)	3	16.7
<i>tā'</i> (ت)	0	0
Jumlah	18	100

Dominasi penggunaan *wāw al-qasam* menunjukkan bahawa struktur sumpah berfungsi sebagai elemen penegasan epistemik yang signifikan dalam wacana al-Quran. Dalam kerangka *Ilmu Ma'ānī*, penggunaan ini dapat dikategorikan sebagai *uslūb al-ta'kīd* yang berfungsi mengukuhkan autoriti ujaran serta meningkatkan tahap penerimaan terhadap proposisi utama dalam ayat. Pola ini turut menunjukkan kecenderungan retorik al-Quran untuk menegaskan mesej melalui bentuk sumpah yang bersifat intensif dan persuasif.

4.1.2 Pola Padanan Terjemahan dalam Teks Sasaran

Analisis korpus menunjukkan bahawa padanan *al-qasam* dalam bahasa Melayu tidak bersifat satu-ke-satu. Variasi padanan yang direkodkan melibatkan “*demi*,” “*dan*,” “*serta*,” dan “*dengan*”.

Jadual 4.3: Distribusi Padanan Terjemahan dalam Teks Sasaran

Padanan TSa	Frekuensi (n)	Peratus (%)
demi	11	61.1
dan	3	16.7
dengan	3	16.7
serta	1	5.6
Jumlah	18	100

Penggunaan “*demi*” menunjukkan kecenderungan penterjemah untuk mengekalkan fungsi penegasan dan daya retorik *al-qasam* dalam teks sasaran. Sebaliknya, penggunaan “*dan*” serta “*serta*” memperlihatkan perubahan fungsi daripada penegasan interpersonal kepada hubungan kohesi tekstual. Penggunaan “*dengan*” pula menunjukkan perubahan fungsi kepada hubungan instrumental atau ideasional.

4.1.3 Analisis Mikro Teks dan Penjajaran TSu-TSa

Bagi memperlihatkan pola transformasi fungsi *al-qasam*, analisis konkordans pada tahap mikro teks dijalankan terhadap pasangan TSu dan TSa. Analisis ini memfokuskan kepada penjajaran

antara struktur *al-qasam* dalam bahasa Arab dengan bentuk realisasinya dalam terjemahan bahasa Melayu oleh Abdullah Basmeih. Pada tahap mikro linguistik, penelitian dilakukan terhadap bentuk leksikal, fungsi retorik, serta perubahan metafungsi yang berlaku dalam proses penterjemahan. Jadual 4.4 menunjukkan contoh-contoh kesepadanan penuh (*full equivalence*) yang dikenal pasti dalam korpus kajian.

Jadual 4.4: *Full Equivalence* (Kesepadanan Penuh) Fungsi *al-Qasam* melalui Padanan “*Demi*”

Surah & Ayat	Teks Sumber (TSu)	Teks Sasaran (TSa -Abdullah Basmeih)	Analisis
<i>al-Nāzi‘āt</i> 79:1	وَالنَّازِعَاتِ غَرْقًا	Demi (makhluk-makhluk) yang mencabut (apa yang ditugaskan mencabutnya) dengan cara yang sekasar-kasarnya;	<i>Full equivalence + interpersonal metafunction</i> (metafungsi interpersonal): unsur <i>al-qasam</i> direalisasikan secara eksplisit melalui “ <i>demi</i> ” serta mengekalkan fungsi penegasan retorik
<i>al-Syams</i> 91:1	وَالشَّمْسِ وَضُحَاهَا	Demi matahari dan cahayanya yang terang-benderang;	<i>Full equivalence + epistemic strengthening</i> (pengukuhan epistemik): fungsi sumpah dan autoriti retorik dikekalkan secara langsung dalam TSa
<i>al-Ḍuḥā</i> 93:1	وَالضُّحَى	Demi waktu dhuha	<i>Full equivalence + interpersonal metafunction</i> : fungsi penegasan direalisasikan tanpa pengurangan makna retorik
<i>al-‘Aṣr</i> 103:1	وَالْعَصْرِ	Demi Masa!	<i>Full equivalence + epistemic strengthening</i> : unsur sumpah dikekalkan secara eksplisit melalui strategi literal-retorik
<i>al-Fajr</i> 89:1	وَالْفَجْرِ	Demi waktu fajar	<i>Full equivalence + functional retention</i> : fungsi interpersonal dan kesan retorik dikekalkan dalam teks sasaran

Berdasarkan Jadual 4.4, penggunaan padanan “*demi*” memperlihatkan tahap kesepadanan fungsi yang tinggi antara TSu dan TSa. Pola ini menunjukkan kecenderungan penterjemah untuk mengekalkan bentuk retorik asal melalui strategi terjemahan literal yang berorientasikan fungsi. Analisis SFL unsur *al-qasam* dalam data tersebut masih merealisasikan metafungsi interpersonal kerana berfungsi sebagai elemen penegasan dan pengukuhan autoriti epistemik ujaran.

Walau bagaimanapun, analisis korpus turut menunjukkan bahawa tidak semua struktur *al-qasam* direalisasikan melalui kesepadanan penuh. Sebahagian data memperlihatkan berlakunya perubahan fungsi (*functional shift*) apabila unsur sumpah diterjemahkan sebagai penanda kohesi tekstual atau hubungan ideasional. Perubahan ini menunjukkan proses penyesuaian struktur retorik bahasa Arab kepada norma sintaksis dan stilistik bahasa Melayu. Jadual 4.5 menghuraikan bentuk-bentuk peralihan tersebut.


Jadual 4.5: *Textual Cohesive Shift* (Peralihan kepada Kohesi Tekstual) Dalam Terjemahan *al-Qasam*

Surah & Ayat	Teks Sumber (TSu)	Teks Sasaran (TSa -Abdullah Basmeih)	Analisis
<i>al-Layl</i> 92:2	وَالنَّهَارِ إِذَا تَجَلَّى	Dan siang apabila ia lahir terang-benderang	<i>Functional shift</i> (peralihan fungsi) + <i>textual metafunction</i> (metafungsi tekstual): unsur <i>wāw al-qasam</i> direalisasikan sebagai kata hubung kohesi, menyebabkan fungsi sumpah dilemahkan
<i>al-Duḥā</i> 93:2	وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَى	Dan malam apabila ia sunyi-sepi	<i>Textual cohesive shift</i> (peralihan kohesi tekstual): fungsi interpersonal berubah kepada fungsi penghubung wacana
<i>al-Tīn</i> 95:2	وَطُورِ سِينِينَ	Dan Gunung Tursina	<i>Textual shift + reduction of rhetorical force</i> : unsur sumpah tidak diterjemahkan secara eksplisit, sebaliknya direalisasikan sebagai sambungan tekstual
<i>al-Tīn</i> 95:3	وَهَذَا الْبَلَدِ الْأَمِينِ	Serta negeri (Makkah) yang aman ini	<i>Textual extension</i> (peluasan tekstual): penggunaan “serta” menghasilkan kohesi enumeratif tanpa mengekalkan intensiti sumpah asal
<i>al-Insyiqāq</i> 84:16	فَلَا أَفْسِمُ بِالشَّفَقِ	Oleh itu, Aku bersumpah dengan cahaya merah di waktu senja	<i>Pragmatic shift</i> (peralihan pragmatik) + <i>ideational metafunction</i> (metafungsi ideasional): partikel <i>bā’</i> direalisasikan melalui hubungan instrumental “dengan”, bukan melalui formula sumpah eksplisit

Berdasarkan Jadual 4.4, dapatan menunjukkan bahawa sebahagian unsur *al-qasam* mengalami *functional shift* (peralihan fungsi) daripada metafungsi interpersonal kepada metafungsi tekstual dan ideasional. Dalam pendekatan CBTS, perubahan ini memperlihatkan kecenderungan penterjemah menyesuaikan struktur retorik bahasa Arab dengan norma sintaksis bahasa Melayu melalui strategi neutralisasi, kohesi tekstual dan eksplisitasi semantik. Dari perspektif SFL, unsur sumpah yang asalnya berfungsi sebagai pengukuh interpersonal tidak lagi direalisasikan sepenuhnya dalam TSa, sebaliknya berfungsi sebagai penghubung teks atau penanda hubungan ideasional.

4.1.4 Pemetaan TSu-TSa dan Variasi Kesepadanan

Corak hubungan antara TSu dan TSa diperkukuh melalui Rajah 4.1 yang memaparkan *heatmap* pemetaan huruf *al-qasam* dan padanan terjemahannya dalam bahasa Melayu.



Rajah 4.1: *Heatmap* Pemetaan Huruf *al-Qasam* TSu dan Padanan Terjemahan TSa dalam Juzuk 30

Rajah 4.1 menunjukkan bahawa intensiti hubungan tertinggi berlaku antara *wāw al-qasam* dengan padanan “*demi*,” yang memperlihatkan kecenderungan utama penterjemah untuk mengekalkan fungsi penegasan dan unsur *al-ta'kid* dalam teks sasaran. Walau bagaimanapun, analisis penjajaran turut menunjukkan kewujudan variasi padanan yang menghasilkan perubahan fungsi retorik dalam proses penterjemahan.

Pola pemetaan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- wāw* (و) → {demi, dan, serta}
- bā'* (ب) → {dengan}
- tā'* (ت) → tiada data direkodkan dalam korpus Juzuk 30

Dapatan ini membuktikan bahawa *wāw al-qasam* mempunyai tahap fleksibiliti fungsi yang lebih tinggi berbanding *bā' al-qasam*, yang memperlihatkan pola padanan yang lebih stabil dan terhad dalam teks sasaran. Variasi ini memperlihatkan kewujudan fenomena *one-to-many mapping* dan *functional variation* dalam terjemahan al-Quran. Pola sedemikian menunjukkan bahawa kesepadanan terjemahan tidak berlaku secara linear atau literal, tetapi dipengaruhi oleh konteks pragmatik, organisasi wacana dan orientasi metafungsi bahasa sasaran.

4.1.5 Analisis Metafungsi dan Kesepadanan

Analisis berdasarkan SFL menunjukkan bahawa *al-qasam* dalam teks sumber berfungsi dominan dalam metafungsi interpersonal sebagai penanda komitmen epistemik dan pengukuhan autoriti ujaran. Walau bagaimanapun, dalam teks sasaran berlaku redistribusi metafungsi seperti berikut:

Padanan	Metafungsi Dominan
demi	interpersonal
dan/ serta	tekstual
dengan	ideasional

Dapatan ini menunjukkan bahawa perubahan kecil pada partikel linguistik boleh menghasilkan perubahan signifikan terhadap orientasi makna wacana.

4.2 Perbincangan Dapatan

Dapatan korpus menunjukkan bahawa struktur *al-qasam* dalam Juzuk 30 al-Quran berfungsi sebagai elemen penegasan yang signifikan dalam pembinaan wacana al-Quran. Dominasi *wāw al-qasam* sebanyak 83.3 peratus daripada keseluruhan data menunjukkan bahawa unsur sumpah merupakan strategi retorik yang berperanan mengukuhkan autoriti ujaran dan penerimaan terhadap proposisi utama ayat. Kedudukan ini selari dengan *Ilmu Ma'ānī* yang menempatkan *al-qasam* sebagai sebahagian daripada *uslūb al-ta'kīd*, iaitu bentuk penegasan yang bertujuan memperkukuh kebenaran khabar dan meningkatkan kekuatan hujah ('Abbās, 2008; al-Sakkākī, 1987; al-Qazwīnī, 2003). Dalam tradisi tafsir, al-Ṭabarī (2000) dan Ibn Kathīr (2000) turut menghuraikan struktur sumpah sebagai elemen penguatan hujah ketuhanan melalui penglibatan tanda-tanda kebesaran Allah. Dari sudut linguistik moden pula, fungsi tersebut dapat difahami sebagai pengukuhan dimensi epistemik dan argumentatif yang beroperasi pada tahap interpersonal wacana, dan bukannya unsur stilistik semata-mata (Hyland, 2005; Biber & Finegan, 1989).

Penemuan ini turut disokong oleh kajian kontemporari berkaitan retorik al-Quran. Abdel Haleem (2010, 2023), misalnya, menegaskan bahawa struktur sumpah dalam al-Quran membina hierarki kebenaran melalui penglibatan entiti kosmik sebagai objek sumpah. Al-Khazaali (2020) pula melihat *al-qasam* sebagai bentuk argumentatif yang implisit, yang memperkukuh persuasi teologikal dan autoriti diskursif. Kajian Abalkheel et al. (2025) turut menunjukkan bahawa walaupun struktur *al-qasam* memperlihatkan fleksibiliti sintaktik yang relatif tinggi, unsur tersebut masih mengekalkan tahap kesepaduan dan kesinambungan hubungan makna dalam wacana yang konsisten dalam sistem wacana al-Quran. Dalam konteks data kajian ini, pola tersebut jelas dapat diperhatikan melalui penggunaan padanan "*demi*" dalam majoriti data *wāw al-qasam*, khususnya dalam Surah *al-Nāzi'āt* (79:1), *al-Syams* (91:1), *al-Ḍuḥā* (93:1) dan *al-ʿAṣr* (103:1). Dalam contoh-contoh ini, fungsi sumpah masih direalisasikan secara eksplisit dan terus mengekalkan orientasi penegasan terhadap proposisi utama ayat.

Dalam kerangka retorik al-Quran yang lebih luas, Neuwirth (2019) dan Abdul-Raof (2018) menegaskan bahawa struktur sumpah merupakan sebahagian daripada strategi *discourse-driven persuasion* yang menggabungkan unsur linguistik, retorik dan teologi secara serentak dalam pembentukan makna. Dapatan kajian ini menyokong pandangan tersebut. Hal yang jelas daripada data korpus ialah unsur *al-qasam* tidak berfungsi sebagai hiasan atau bersifat sampingan. Sebaliknya, struktur tersebut adalah penting dalam membina kesahan pengetahuan dan autoriti wacana. Dalam beberapa data, khususnya yang melibatkan padanan "*demi*", kesan interpersonal asal masih dapat dikekalkan dengan agak stabil. Walau bagaimanapun, keadaan tersebut tidak berlaku secara seragam bagi semua struktur sumpah.

Dari perspektif CBTS, analisis penjajaran TSu-TSa menunjukkan bahawa pemindahan fungsi *al-qasam* ke dalam bahasa Melayu berlaku secara *function-sensitive* dan tidak bersifat homogen. Data memperlihatkan kewujudan pola *one-to-many mapping*, khususnya bagi *wāw al-qasam* yang dipadankan dengan "*demi*", "*dan*" dan "*serta*". Dalam majoriti data, penggunaan "*demi*" memunjukkan tahap *full equivalence* (kesepadanan penuh) kerana fungsi *al-ta'kīd* dan orientasi interpersonal teks sumber masih dikekalkan. Hal ini dapat dilihat dalam

data seperti (والفجر) “*Demi waktu fajar*” dan (والعصر) “*Demi Masa!*”, yang masih membawa data penegasan secara eksplisit dalam teks sasaran.

Namun demikian, sebahagian data menunjukkan pola yang berbeza. Dalam Surah *al-Layl* (92:2) dan *al-Duhā* (93:2), misalnya, *wāw al-qasam* direalisasikan sebagai “*dan*”, manakala dalam Surah *al-Tīn* (95:3) unsur tersebut diterjemahkan sebagai “*serta*”. Dalam konteks ini, fungsi sumpah tidak lagi direalisasikan secara langsung sebagai penegasan epistemik, tetapi lebih cenderung berfungsi sebagai penanda kohesi tekstual. Perubahan ini penting kerana keadaan ini menunjukkan bahawa proses penterjemahan tidak hanya melibatkan pemindahan makna semantik, tetapi turut melibatkan rundingan fungsi antara sistem retorik bahasa Arab dan norma sintaktik bahasa Melayu.

Peralihan tersebut dapat dijelaskan melalui sistem tata bahasa bahasa Melayu. “*Dan*” serta “*serta*” dikategorikan sebagai kata hubung gabungan yang menghubungkan unsur setara dalam frasa atau ayat (Nik Safiah Karim et al., 2015). Dalam data kajian ini, penggunaan “*dan*” dan “*serta*” menunjukkan kecenderungan tersebut dengan jelas. Struktur yang asalnya berfungsi sebagai elemen pengukuhan interpersonal dalam TSu berubah menjadi penghubung enumeratif dan kohesi dalam TSa. Walaupun makna proposisional masih dikekalkan, intensiti retorik asal tidak lagi direalisasikan secara penuh.

Fenomena ini sejajar dengan teori *translation universals*, khususnya kecenderungan terhadap *normalisation* dan *simplification* dalam teks terjemahan (Baker, 1993; Laviosa, 2002; Olohan, 2004). Kajian korpus terhadap terjemahan al-Quran dan teks agama turut menunjukkan kecenderungan penyederhanaan struktur retorik bahasa sumber kepada bentuk sintaktik yang lebih linear dalam bahasa sasaran (Zanettin, 2012; McEnery & Hardie, 2012; House, 2015). Dalam data kajian ini, kecenderungan tersebut dapat diperhatikan apabila unsur sumpah direalisasikan melalui kata hubung biasa seperti “*dan*” atau “*serta*”. Seperti yang diujahkan oleh Zanettin (2012), korpus selari dalam terjemahan agama sering memperlihatkan *reduction of rhetorical density*, khususnya apabila unsur retorik bahasa sumber disesuaikan dengan norma kebolehbacaan bahasa sasaran.

Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa proses normalisasi tidak berlaku secara mekanikal atau semata-mata linguistik. Dalam beberapa konteks, perubahan fungsi turut dipengaruhi oleh kekangan pragmatik dan ideologi wacana terjemahan (Abd Kadir & Mansor, 2022). House (2015) menegaskan bahawa pergeseran fungsi lazimnya berlaku apabila teks sumber dan teks sasaran mempunyai orientasi pragmatik yang tidak sepenuhnya sepadan. Dalam konteks kajian ini, kecenderungan penggunaan bentuk yang lebih linear dalam bahasa Melayu memperlihatkan usaha penyesuaian terhadap norma kebolehbacaan dan ekspektasi budaya sasaran. Namun, penyesuaian tersebut turut menyebabkan sebahagian daya epistemik asal menjadi kurang menonjol. Hal ini menunjukkan bahawa kesepadanan terjemahan tidak boleh dinilai hanya berdasarkan kesetaraan bentuk linguistik, tetapi perlu mengambil kira dimensi *functional-pragmatic equivalence* dalam konteks penggunaan sebenar.

Daripada perspektif SFL, data korpus menunjukkan bahawa *al-qasam* dalam teks sumber beroperasi secara dominan dalam metafungsi interpersonal sebagai penanda komitmen epistemik dan autoriti ujaran (Halliday & Matthiessen, 2014; Eggins, 2004). Walau bagaimanapun, analisis penjajaran memperlihatkan berlakunya *metafunctional shift* dalam teks sasaran. Dalam majoriti data yang menggunakan “*demi*”, metafungsi interpersonal masih dapat dikekalkan. Sebaliknya, “*dan*” dan “*serta*” lebih kerap direalisasikan dalam metafungsi tekstual sebagai penanda kohesi, manakala “*dengan*” cenderung berfungsi dalam metafungsi

ideasional melalui hubungan instrumental. Apa yang menarik, perubahan tersebut berlaku hanya melalui variasi kecil pada tahap huruf. Namun kesannya terhadap orientasi interpersonal dan struktur argumentasi wacana adalah signifikan (Martin & Rose, 2007; Hyland, 2005).

Dalam pendekatan Hallidayan, pemetaan metafungsi antara dua bahasa lazimnya bersifat *asymmetrical mapping*, khususnya apabila kedua-dua bahasa mempunyai sistem kohesi dan sumber interpersonal yang berbeza (Eggins, 2004; Halliday & Matthiessen, 2014). Dapatan kajian ini menunjukkan keadaan tersebut secara jelas. Struktur sumpah dalam bahasa Arab membawa daya interpersonal yang tinggi melalui sistem balaghahnya, sedangkan bahasa Melayu lebih cenderung merealisasikan hubungan linear dan kohesi tekstual. Oleh sebab itu, unsur *al-qasam* tidak dapat dipetakan secara langsung tanpa mengalami pergeseran fungsi tertentu.

Fenomena tersebut menjadi lebih ketara dalam kes *bā' al-qasam*. Dalam semua data yang direkodkan, unsur tersebut diterjemahkan sebagai “*dengan*”. Walaupun strategi ini mengekalkan hubungan instrumental pada tahap ideasional, nilai epistemik asal tidak dipindahkan secara penuh. Dalam data korpus (81:15) (فَلَا أَقْسِمُ بِالْخُنْثَى) misalnya, unsur sumpah direalisasikan melalui struktur preposisional biasa dan bukannya formula penegasan eksplisit. Pola yang sama turut dilaporkan dalam kajian terjemahan Arab-Inggeris, apabila unsur sumpah dinaturalkan kepada struktur preposisional yang lebih mengutamakan hubungan sintaktik berbanding fungsi retorik asal (Dickins, Hervey, & Higgins, 2017; Abdel Haleem, 2023). Penemuan ini selari dengan dapatan kajian terjemahan yang menunjukkan bahawa unsur pragmatik dan interpersonal sering mengalami pengurangan atau peralihan fungsi dalam proses penyesuaian teks, khususnya bagi teks berstatus tinggi seperti teks agama (Munday, 2016; House, 2015; Baker, 2018).

Daripada perspektif Tipologi Kesepadanan (Baker, 2018), dapatan kajian ini mengesahkan bahawa kesepadanan tidak bersifat binari, tetapi bergerak dalam spektrum dinamik yang dipengaruhi oleh interaksi antara bentuk linguistik, fungsi pragmatik dan konteks wacana. Walau bagaimanapun, data kajian ini juga menunjukkan bahawa kerangka Baker mempunyai keterbatasan tertentu apabila diaplikasikan kepada teks al-Quran yang bersifat *highly rhetorical* dan *epistemically loaded*. Pengelasan kesepadanan leksikal, tekstual dan pragmatik masih belum mencukupi untuk menjelaskan perubahan pada *rhetorical force* dan *epistemic intensity* yang berlaku dalam struktur *al-qasam*. Dalam beberapa data, makna semantik mungkin masih dipindahkan, tetapi daya penegasan dan orientasi interpersonal asal mengalami pengurangan yang ketara.

Atas dasar itu, kajian ini menegaskan bahawa analisis kesepadanan bagi teks agama memerlukan peluasan kerangka yang lebih sensitif terhadap dimensi retorik dan interpersonal. Sehubungan itu, konsep *rhetorical-functional equivalence* dicadangkan bagi menjelaskan bentuk kesepadanan yang mengambil kira makna linguistik dan juga kekuatan retorik dan autoriti epistemik sesuatu struktur bahasa. Cadangan ini selaras dengan pandangan Hatim dan Mason (1997) yang melihat terjemahan sebagai proses *semiotic negotiation* dan bukannya pemindahan makna secara langsung. Dalam konteks ini, *al-qasam* dapat difahami sebagai unit epistemik yang menggabungkan dimensi ideologi, retorik dan teologikal dalam satu sistem wacana yang saling berinteraksi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penterjemahan *al-qasam* merupakan proses *functional negotiation* yang kompleks antara sistem balaghah Arab, metafungsi SFL dan norma wacana bahasa Melayu. Perubahan leksikal seperti “*demi*”, “*dan*”, “*serta*” dan “*dengan*” bukan sekadar variasi permukaan bahasa. Sebaliknya, perubahan

tersebut melibatkan transformasi terhadap daya penegasan, orientasi interpersonal dan struktur argumentasi wacana secara keseluruhan.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan analisis korpus terhadap kesepadanan *al-qasam* dalam Juzuk 30 al-Quran dengan mengaplikasikan pendekatan CBTS dengan integrasi *Ilmu Ma'ānī*, SFL dan Tipologi Kesepadanan Baker. Dapatan menunjukkan bahawa *al-qasam* adalah struktur sintaksis atau unsur stilistik, dimana unit retorik-epistemik yang membina *ta'kīd*, autoriti wacana dan orientasi interpersonal dalam teks al-Quran. Analisis terjemahan pula menunjukkan bahawa realisasinya dalam bahasa Melayu tidak linear, kerana sebahagian mengekalkan fungsi penegasan melalui "*demi*", manakala sebahagian lain mengalami peralihan kepada kohesi atau hubungan ideasional seperti "*dan*", "*serta*" dan "*dengan*". Hal ini menegaskan bahawa terjemahan al-Quran melibatkan transformasi fungsi, bukan sekadar pemindahan bentuk.

Dari perspektif *Ilmu Ma'ānī*, *al-qasam* berfungsi sebagai *uslūb al-ta'kīd* yang menghubungkan *muqasam bih* dan *jawab al-qasam* bagi pengukuhan makna khabar. Namun, kajian ini menunjukkan bahawa fungsi tersebut tidak statik dalam terjemahan, sebaliknya direalisasikan semula melalui variasi leksikogramatikal. Dalam kerangka SFL, berlaku metafunctional redistribution apabila metafungsi interpersonal beralih kepada metafungsi tekstual atau ideasional bergantung kepada strategi penterjemahan, sekali gus menunjukkan sensitiviti tinggi partikel linguistik terhadap perubahan fungsi wacana.

Dari sudut Tipologi Kesepadanan, kajian ini mengesahkan sifat dinamik kesepadanan merentas leksikal, gramatikal, tekstual dan pragmatik, serta memperkenalkan dimensi tambahan iaitu kesepadanan retorik-epistemik yang menangkap pemindahan kekuatan penegasan dan autoriti ujaran. Dapatan ini menunjukkan keterbatasan model kesepadanan sedia ada dalam menangani teks berautoriti tinggi yang sarat intensiti retorik.

Secara metodologi, CBTS terbukti berkesan dalam menganalisis unit mikro linguistik seperti *al-qasam* melalui korpus selari Arab-Melayu, khususnya melalui KWIC, frekuensi dan penjarangan TSu-TSa. Pendekatan ini membolehkan analisis sistematik terhadap distribusi, variasi padanan dan perubahan fungsi, sekali gus menegaskan keperluan integrasi antara *data-driven analysis* dan *theory-driven interpretation* dalam kajian terjemahan teks suci.

Dari sudut praktikal, kajian ini menegaskan bahawa penterjemah perlu mempertimbangkan bukan sahaja kesetaraan leksikal, tetapi juga intensiti retorik dan nilai interpersonal dalam struktur *al-qasam*. Dalam bidang Ilmu Balaghah dan pendidikan terjemahan, kajian ini menunjukkan keperluan pengoperasian *Ilmu Ma'ānī* dalam kerangka linguistik moden bagi menjelaskan hubungan antara mikrostruktur dan makrofungsi wacana agama.

Kajian ini mengintegrasikan *Ilmu Ma'ānī*, SFL dan Tipologi Kesepadanan Baker sebagai kerangka analisis, manakala CBTS digunakan sebagai pendekatan metodologi dalam meneliti kesepadanan *al-qasam* dalam terjemahan bahasa Melayu Juzuk 30 al-Quran. Dalam kerangka ini, CBTS berfungsi sebagai sumber data empirikal berasaskan korpus, SFL digunakan untuk menganalisis perubahan metafungsi, *Ilmu Ma'ānī* mentafsir struktur retorik *al-ta'kīd*, dan Tipologi Kesepadanan Baker digunakan untuk mengklasifikasikan tahap

kesepadanan dalam terjemahan. Pendekatan ini membolehkan analisis dilakukan secara berlapis antara data korpus dan interpretasi teori.

Dari segi sumbangan, kajian ini memperluaskan teori dengan mengintegrasikan *Ilmu Ma'ānī* dan SFL secara operasional serta memperkenalkan dimensi retorik-epistemik dalam Tipologi Kesepadanan Baker. Secara metodologi, ia membuktikan kebolegunaan CBTS pada tahap mikro linguistik, manakala secara empirikal ia memetakan pola terjemahan seperti *explicitation*, *neutralisation* dan *functional shift* dalam Juzuk 30.

Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa *al-qasam* merupakan sistem retorik-epistemik yang dinamik, dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu melibatkan transformasi semantik, pragmatik dan metafungsional. Justeru, terjemahan al-Quran bukan sekadar pemindahan makna, tetapi proses *semiotic negotiation* yang melibatkan autoriti, retorik dan epistemologi dalam sistem wacana berlapis.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

- ‘Abbās, F. H. (2008). *Al-balāghah: Funūnuhā wa-afnānuha* (‘Ilm al-ma’ānī). Dār al-Nafā’is.
- Abalkheel, A., Sourani, M., & Zohbi, S. E. (2025). Structural Independence and Dialogic Coherence in Qur’anic Texts: A Syntactic Analytical Study. *Forum for Linguistic Studies*, 7(2), 487–500. <https://doi.org/10.30564/fls.v7i2.8333>
- Abdel Haleem, M. A. S. (2010). *The Qur’an: A new translation*. Oxford University Press.
- Abdel-Haleem, M. (2023). The Translational Challenges Presented by Qur’anic Oaths: A Study of Q. 79 and Q. 100. *Journal of Qur’anic Studies*, 25(3), 139–147. <https://doi.org/10.3366/jqs.2023.0558>
- Kadir, K. A., & Mansor, I. (2022). Manifestasi Ideologi dalam Terjemahan Item Taksa Al-Quran oleh Abdullah Basmeih. *Al-Bayān*, 20(2), 238–266. <https://doi.org/10.1163/22321969-12340115>
- Abdul-Raof, H. (2001). *Qur’an translation: Discourse, texture and exegesis*. Routledge.
- Abdul-Raof, H. (2006). *Arabic rhetoric: A pragmatic analysis*. Routledge.
- Abdul-Raof, H. (2018). *Text linguistics of Qur’anic discourse: An analysis*. Routledge.
- Alhusaiyan, E. A. (2023). Semantic prosody in Holy Qur’an: A corpus study of the collocations and meanings of the verb waqa’a ‘fell.’ *Arab World English Journal for Translation and Literary Studies*, 7(4), 19–33. <https://doi.org/10.24093/awejtls/vol7no4.2>
- Allaithy, A. (2019). Challenges in translating the Qur’ān-Translating the untranslatable: Omission/ellipsis. In *Handbook of the changing world language map* (Vol. 1). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-030-02438-3_211
- Al-Jurjānī, ‘A. Q. (2001). *Dalā’il al-i’jāz*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Khazaali, M. A. R. (2020). Argumentation in the Glorious Qur’an: A rhetorical pragmatic perspective. *Global Journal Al-Thaqafah*, 10(2), 9–18. <https://doi.org/10.7187/GJAT122020-2>
- Alqurneh, A., Mustapha, A., Azmi Murad, M. A., & Sharef, N. M. (2016). Stylometric model for detecting oath expressions: A case study for Quranic texts. *Digital Scholarship in the Humanities*, 31(1), 1–20. <https://doi.org/10.1093/lc/fqu038>
- Al-Qazwīnī, al-Khaṭīb. (2003). *Al-īdāh fī ‘ulūm al-balāghah*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sakkākī, Y. b. A. B. (1987). *Miftāḥ al-‘ulūm* (N. Zarzūr, Ed.). Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Al-Suyūṭī, J. al-D. (1974). *Al-Itqān fī ‘ulūm al-Qur’ān* (M. A. al-Faḍl Ibrāhīm, Ed.). Al-Hay’ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah lil-Kitāb.
- Al-Ṭabarī, M. b. Jarīr. (2000). *Jāmi‘ al-bayān ‘an ta’wīl āy al-Qur’ān*. Dār Hajr.
- Al-Zamakhsharī, M. b. ‘Umar. (1998). *Al-Kashshāf ‘an ḥaqā’iq ghawāmiḍ al-tanzīl wa ‘uyūn al-aqāwīl fī wujūh al-ta’wīl* (Vols. 1–4). Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Baker, M. (1993). Corpus linguistics and translation studies: Implications and applications. In M. Baker, G. Francis, & E. Tognini-Bonelli (Eds.), *Text and technology: In honour of John Sinclair* (pp. 233–250). John Benjamins.
- Baker, M. (1995). Corpora in translation studies: An overview and some suggestions for future research. *Target: International Journal of Translation Studies*, 7(2), 223–243. <https://doi.org/10.1075/target.7.2.03bak>
- Baker, M. (2018). *In other words: A coursebook on translation* (3rd ed.). Routledge.
- Bengueddach, A. (2025). Multi-dimensional NLP analysis of the Quran: Structure, semantics, and emotion across Qirā’āt. *QURANICA – International Journal of Quranic Research*, 17(1). <https://doi.org/10.22452/quranica.vol17no1.12>
- Biber, D., & Finegan, E. (1989). Styles of stance in English: Lexical and grammatical marking of evidentiality and affect. *Text*, 9(1), 93–124. <https://doi.org/10.1515/text.1.1989.9.1.93>
- Chesterman, A. (2000). A causal model for translation studies. In M. Olohan (Ed.), *Intercultural faultlines: Research models in translation studies I: Textual and cognitive aspects* (pp. 15–27). St. Jerome Publishing.
- Dickins, J., Herve, S., & Higgins, I. (2017). *Thinking Arabic translation: A course in translation method: Arabic to English* (2nd ed.). Routledge.
- Eggs, S. (2004). *An introduction to systemic functional linguistics* (2nd ed.). Continuum.
- Fauzy, M. A. (2025). The use and application of Aqşam Al-Qur’an. *Jurnal Kajian Islam*, 2(1), 29–34. <https://doi.org/10.56566/jki.v2i1.288>
- Gumar, M. T., & Sahan, H. S. (2022). Literary-pragmatic impact dimensioned in Holy Quran oath techniques. *International Journal of Research in Social Sciences & Humanities*, 12(2), 619–627. <https://doi.org/10.37648/ijrssh.v12i02.040>
- Halliday, M. A. K., & Matthiessen, C. M. I. M. (2014). *Halliday’s introduction to functional grammar* (4th ed.). Routledge.
- Hatim, B., & Mason, I. (1997). *The translator as communicator*. Routledge.
- House, J. (2015). *Translation quality assessment: Past and present*. Routledge.
- House, J. (2023). *Translation: The basics*. Routledge.
- Hummadi, A. S., Mat Said, S. B., Hussein, R. M., Sabti, A. A., & Hattab, H. A. A. (2020). Rhetorical loss in translating prepositional phrases of the Holy Qur’an. *SAGE Open*, 10(1). <https://doi.org/10.1177/2158244020914576>
- Hyland, K. (2005). *Metadiscourse: Exploring interaction in writing*. Continuum.
- Ibn Kathīr, I. (2000). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘azīm*. Dār Hajr.
- Kenny, D. (2001). *Lexis and creativity in translation: A corpus-based study*. St. Jerome Publishing.
- Kilgariff, A., Baisa, V., Bušta, J., Jakubíček, M., Kovář, V., Michelfeit, J., Rychlý, P., & Suchomel, V. (2014). The Sketch Engine: Ten years on. *Lexicography*, 1(1), 7–36. <https://doi.org/10.1007/s40607-014-0009-9>
- Laviosa, S. (Ed.). (2002). *Corpus-based translation studies: Theory, findings, applications*. Rodopi.
- Mahlberg, M. (2007). Corpus stylistics: Bridging the gap between linguistic and literary studies. In M. Hoey, M. Mahlberg, M. Stubbs, & W. Teubert (Eds.), *Text, discourse and corpora: Theory and analysis* (pp. 219–246). Continuum.

- Martin, J. R., & Rose, D. (2007). *Working with discourse: Meaning beyond the clause* (2nd ed.). Continuum.
- McEnery, T., & Hardie, A. (2012). *Corpus linguistics: Method, theory and practice*. Cambridge University Press.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Munday, J. (2016). *Introducing translation studies: Theories and applications* (4th ed.). Routledge.
- Neuwirth, A. (2019). *The Qur'an and late antiquity: A shared heritage*. Oxford University Press.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (1969). *The theory and practice of translation*. E. J. Brill.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Olohan, M. (2004). *Introducing corpora in translation studies*. Routledge.
- Ostaie, I. (2024). Pillars and methods of discourse and persuasion in the Holy Quran. *QURANICA - International Journal of Quranic Research*, 16(1), 138–161.
- Qwider, R., & Bashir Bay, M. (2022). Oaths in the Qur'an: An argumentative study. *Majallat Al-Miyar*, 5(2), 40-48.
- Robinson, N. (1996). *Discovering the Qur'an: A contemporary approach to a veiled text*. SCM Press.
- Sinclair, J. (1991). *Corpus, concordance, collocation*. Oxford University Press.
- Stubbs, M. (2001). *Words and phrases: Corpus studies of lexical semantics*. Blackwell.
- Tanzil Project. (n.d.). *Tanzil Quran text*. <https://tanzil.net/>
- Thompson, G. (2014). *Introducing functional grammar* (3rd ed.). Routledge.
- Toury, G. (2012). *Descriptive translation studies-and beyond* (Revised edition). John Benjamins.
- Williams, J., & Chesterman, A. (2014). *The map: A beginner's guide to doing research in translation studies*. Routledge.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2012). *Analisis wacana bahasa Melayu*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Zanettin, F. (2012). *Translation-driven corpora: Corpus resources for descriptive and applied translation studies*. Routledge.
- Zanettin, F. (Ed.). (2012). *Corpus methods for translation studies*. Routledge.
- Zanettin, F. (2014). *Corpora in translation*. In J. House (Ed.), *Translation: A multidisciplinary approach* (pp. 178–199). Palgrave Macmillan.
https://doi.org/10.1057/9781137025487_10